

Fokus utama tingkat ekuiti Bumiputera: PM

Kerajaan komited pastikan 30 peratus pemilikan menjelang 2020

KUALA LUMPUR: Kerajaan memutuskan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang 2020, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Dewan Rakyat, semalam, Perdana Menteri berkata, kerajaan komited untuk mencapai sasaran itu dan dari segi realitinya ia akan dapat dicapai dalam jangka masa lebih panjang.


Program penswastan, katanya, akan terus berperanan sebagai landasan bagi membantu Bumiputera berkelayakan untuk menyertai bidang perniagaan.

Di samping itu, kerajaan akan membangunkan sumber modal Bumiputera seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri.

Beliau berkata, pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan.

Abdullah berkata, pemilikan kekayaan Bumiputera akan diperluas termasuk pemilikan harta kediaman dan perniagaan terutama di bandar.

Bagi tujuan itu, katanya, Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) akan ditubuhkan semula.



“Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan diteruskan dalam memenuhi agenda menyusun semula masyarakat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Beliau berkata, usaha juga akan dilaksanakan untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan harta intelektual oleh Bumiputera.

Selain itu, kerajaan membantu membangunkan tanah adat dan tanah pribumi di Sabah dan Sarawak.

Untuk memesatkan pembangunan masyarakat Orang Asli pula, satu pelan pembangunan komprehensif akan dilaksanakan termasuk mewujudkan peluang penjana pendapatan menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan skim penempatan semula serta memperkenalkan program keusahawanan luar bandar.

“Fasa kedua program MPPB akan dilancarkan bertujuan membangunkan usahawan Bumiputera yang berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang mantap,” katanya.

Beliau berkata, keupayaan agensi amanah, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan koperasi juga akan ditingkatkan bagi menambah baik pelaksanaan program MPPB.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, pembabitan usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru akan digalakkan manakala program pembangunan francais dan vendor akan diperkukuhkan.

Beliau berkata, pendekatan lebih

sistematik dan berfokus akan digunakan ke arah pembangunan usahawan luar bandar, khususnya PKS asas tani dan PKS kraftangan.

Abdullah berkata, langkah sewajarnya akan diperkenalkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India kepada tiga peratus menjelang 2020.

Di samping menggalakkan keusahawanan, peluang latihan kemahiran untuk belia India ditambah dengan memberi tempat di Pusat Giat Mara dan Institut Keusahawanan Negara serta penubuhan Pusat Putra.

Kerajaan juga akan terus memperbaiki keadaan dan kemudahan di kampung baru agar semua kaum mendapat manfaat sepenuhnya daripada peluang ekonomi yang disediakan di bawah RMK-9.

Dalam tempoh 2006 hingga 2010, katanya, kerajaan akan turut berusaha memastikan pola pekerjaan benar-benar mencerminkan komposisi kaum masyarakat di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mengajak sektor swasta bersama-sama memainkan peranan memacu penyeriaan Bumiputera dalam sektor yang masih kurang disertai mereka.

Abdullah berkata, usaha meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan sektor yang kurang disertai mereka, turut dilaksanakan lebih tegas lagi.